

RETAKAN KARAN



Apabila satu pelanggan menyumbang lebih separuh daripada pendapatan dan keuntungan sesebuah syarikat, hal ini sebenarnya mewujudkan risiko yang serius. Kehilangan pelanggan utama ini mampu mencetuskan krisis yang mengancam kelangsungan perniagaan syarikat secara serta-merta.

RISIKO PERGANTUNGAN PADA SATU PELANGGAN

Dalam persekitaran perniagaan yang serba pantas hari ini, syarikat awam tersenarai (PLC) perlu berusaha membangunkan pelbagai saluran perniagaan atau kumpulan pelanggan. Malah, dalam usaha mengurangkan risiko perniagaan, syarikat boleh mempelbagaikan asas perniagaannya, selagi masih dalam bidang kepakaran masing-masing.

Pendekatan ini membolehkan syarikat mengelakkan perangkap risiko pergantungan kepada satu pelanggan, iaitu keadaan di mana wujudnya kelemahan kewangan disebabkan sebahagian besar daripada pendapatan dan keuntungan (biasanya melebihi 50%) bergantung kepada satu atau hanya beberapa pelanggan.

Ringkasnya, jumlah pelanggan yang terhad bermaksud risiko perniagaan yang tinggi. Keadaan ini mewujudkan risiko pendapatan dan aliran tunai, melemahkan kuasa rundingan, menurunkan penilaian syarikat dan boleh membawa kepada kegagalan perniagaan sekiranya pelanggan tersebut menarik diri.

Secara amnya, jika satu pelanggan utama menyumbang 50% atau lebih daripada pendapatan dan keuntungan syarikat, hal ini mencerminkan tahap risiko yang tinggi serta mempelbagaian yang rendah. Keadaan ini boleh mencetuskan pendapatan yang tidak menentu, yang mana kehilangan pelanggan utama ini akan menyebabkan berlakunya krisis serta-merta, yang memaksa syarikat mengambil langkah drastik seperti pemotongan kos atau pemberhentian pekerja.

Dalam situasi sebegini, lembaga pengarah perlu memikul tanggungjawab untuk menyediakan garis panduan serta pemantauan yang sewajarnya, termasuk menetapkan semula hala tuju perniagaan (jika sudah tersasar jauh) serta memantau rapi pelaksanaan oleh pihak pengurusan.

Penurunan prospek yang ketara

Satu contoh yang relevan ialah ketidaktentuan yang melanda SMRT Holdings Bhd, sebuah syarikat yang disenaraikan di Pasaran ACE, selepas pihak pengurusan mendedahkan bahawa kadar pelaksanaan projek pemasangan (*deployment*) untuk Tenaga Nasional Berhad (TNB) dijangka perlahan dengan ketara dalam tempoh beberapa tahun akan datang. Hal ini berikutan pembukaan pangkalan vendor untuk teknologi pemantauan dan kawalan masa nyata (*Supervisory Control and Data Acquisition, SCADA*) oleh TNB.

Berlatarkan kemungkinan terdapat pertambahan vendor, SMRT bakal berdepan persaingan yang lebih sengit dalam usaha membida kontrak pemasangan baharu dengan pelanggan utamanya, yang berpotensi menjejaskan pendapatan tidak berulang (*one-off*) daripada aktiviti tersebut.

Perkembangan ini ibarat kejutan yang tidak diduga kerana ia menyebabkan pendapatan syarikat penyelesaian IoT (*Internet of Things*) itu mengalami penyusunan semula yang ketara. Sebelum ini, 38% daripada pendapatan SMRT disumbangkan oleh hasil pemasangan yang tidak berulang manakala baki 62% lagi diperoleh daripada perkhidmatan pengurusan.

Sebagai rujukan, TNB menyumbang 68% atau RM47.65 juta daripada pendapatan SMRT pada tahun kewangan 2024 berjumlah RM65.77 juta.

Dalam konteks ini, tidak menghairankan apabila Hong Leong Investment Bank (HLIB) Research, dalam nota penyelidikannya bertarikh 19 Januari, menurunkan penarafan saham tersebut daripada “Beli” kepada “Jual”, serta menetapkan harga sasaran yang jauh lebih rendah; susut 72.4% kepada 32 sen berbanding dengan RM1.24 sebelum ini.

Penurunan penarafan berserta pemotongan besar harga sasaran itu menyebabkan harga saham SMRT merosot 65% atau 29 sen ke paras terendah dalam tempoh tiga tahun iaitu 15.5 sen, sebelum mengurangkan kerugian untuk ditutup 58.43% atau 26 sen lebih rendah iaitu 18.5 sen pada hari yang sama.

HLIB Research turut menjelaskan bahawa saranan “beli” sebelum ini adalah berdasarkan jangkaan peningkatan pendapatan daripada TNB, memandangkan terdapat banyak tapak yang masih belum disambungkan, selain pelaksanaan projek Grid Pintar oleh TNB.

Dengan jangkaan bahawa pemasangan tapak baharu akan lebih perlahan akibat persaingan yang semakin sengit, HLIB menyatakan saranan asal tersebut tidak lagi kukuh, meskipun terdapat pertumbuhan daripada sektor perkhidmatan kewangan serta penglibatan peringkat awal dalam sektor tenaga di Indonesia, yang dilihat mempunyai potensi pendapatan alternatif tetapi dengan ruang peningkatan yang terhad.

SMRT kekal tenang

Pada hari yang sama laporan HLIB Research itu diterbitkan, tiga pelabur institusi menarik diri daripada syarikat tersebut.

Aberdeen Group PLC melupuskan keseluruhan pegangannya sebanyak 6.63% atau 30.04 juta saham, diikuti dengan Urusharta Jamaah Sdn Bhd (syarikat tujuan khas di bawah Kementerian Kewangan) dan Lembaga Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), yang masing-masing tidak lagi menjadi pemegang saham utama selepas melupuskan 35.75 juta dan 20.99 juta saham.

Walaupun mengakui Kumpulan mungkin berdepan persaingan yang lebih sengit dalam membida kontrak pemasangan baharu dengan pelanggan utamanya, SMRT meyakinkan pelabur bahawa operasi bersama TNB kekal seperti biasa (*business as usual*) dan pendapatan yang dijangka terjejas hanya melibatkan segmen pemasangan tidak berulang.

SMRT turut menyatakan Kumpulan akan terus membida kontrak pemasangan baharu dengan pelanggan utamanya, di samping meneruskan penyediaan perkhidmatan pengurusan kepada tapak yang sedia ada, yang merupakan sumber pendapatan berulang untuk Kumpulan.

Syarikat turut menegaskan bahawa mereka tidak dapat menganggarkan kesannya terhadap pendapatan mulai tahun kewangan 2027 dan seterusnya, kerana ia bergantung pada masa serta jumlah kontrak pemasangan yang akan dianugerahkan kepada syarikat pada masa hadapan.

Selain itu, Kumpulan terus meluaskan kehadiranannya di luar Malaysia iaitu ke Indonesia dan Filipina, dengan pendapatan daripada pelanggan luar negara meningkat kepada RM11.3 juta pada tahun kewangan 2025, berbanding dengan RM9.9 juta sebelum ini. Pertumbuhan ini disokong oleh kedua-dua aktiviti pemasangan dan perkhidmatan pengurusan kepada pelanggan luar negara.

Pempelbagaian dalam pelbagai dimensi

Mengambil iktibar daripada kes SMRT, PLC lain perlu sedar dan tidak memandang ringan risiko bergantung kepada satu pelanggan sahaja, terutamanya apabila sumbangan kewangan daripada pelanggan tersebut mampu menentukan kelangsungan operasi syarikat.

Satu lagi contoh ketara ialah penyedia perkhidmatan pembuatan elektronik (EMS), WaveFront Bhd (dahulunya dikenali sebagai ATA IMS Bhd), yang suatu ketika dahulu terlalu bergantung kepada Dyson sebelum jenama produk pengguna dari UK itu menamatkan hubungan perniagaan atas isu kebajikan pekerja.

Sejak penamatan tersebut, WaveFront bergelut untuk mengembalikan prestasinya ke tahap cemerlang seperti sebelum ini. Pendapatannya merosot daripada RM4.22 bilion pada tahun kewangan 2021 (sebelum penamatan kontrak) kepada RM2.6 bilion, dan seterusnya menjunam kepada RM273.04 juta pada tahun kewangan 2025. Syarikat ini juga telah mencatatkan kerugian selama empat tahun berturut-turut.

PLC perlu menerima hakikat bahawa risiko penumpuan pelanggan bersifat pelbagai dimensi. Ia bukan sekadar melibatkan pergantungan kepada satu nama, tetapi merangkumi pelbagai faktor yang saling berkait dan sering kali tersembunyi, yang mampu mengancam kestabilan kewangan sesebuah entiti perniagaan.

Risiko ini boleh dikategorikan kepada beberapa dimensi, termasuk nama pelanggan, sektor, geografi dan teknologi, yang memerlukan pendekatan menyeluruh untuk dikenal pasti dan ditangani.

Ringkasnya, pengurusan risiko yang berkesan memerlukan pendekatan dari pelbagai sudut, termasuk memantau sumbangan pendapatan daripada pelanggan utama,

mempelbagaikan pendedahan merentas geografi dan sektor, serta menggunakan ujian tekanan (*stress testing*) bagi mengenal pasti pergantungan yang tersembunyi.

Pada akhirnya, para pelabur memerlukan penilaian yang proaktif dan menyeluruh dari pelbagai sudut bagi memastikan strategi portfolio mereka selaras dengan kesanggupan mereka menanggung risiko.

[TAMAT]



PENDEDAHAN KEPENTINGAN

Berkenaan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memiliki jumlah saham minimum dalam semua syarikat yang diliputi dalam buletin ini.

PENOLAKAN TUNTUTAN

Buletin ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholders Watch Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam buletin ini adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam buletin ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walau bagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam buletin ini. Tiada maklumat di dalam buletin ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian buletin ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam buletin ini atau jika ia diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan buletin ini.